

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN
(BAYAN BARU)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 24.10.2017

Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah yang dilabur di pasaran saham dan bond Amerika Syarikat oleh KWSP, KWAP, LTAT dan Tabung Haji. Sejak bila mereka memulakan pelaburan dan apakah pulangan yang diperolehi masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaburan luar negara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah bermula pada tahun 2006 sebagai sebahagian daripada inisiatif KWSP untuk mempelbagaikan pelaburannya meliputi pelbagai kelas aset, negara dan mata wang. Setakat Jun 2017,

sebanyak 29% daripada pelaburan KWSP yang berjumlah RM759.78 bilion adalah dalam pasaran luar negara. Daripada jumlah tersebut, kurang daripada 20% (RM152 bilion) aset telah dilaburkan dalam pasaran Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, dari segi pulangan pelaburan yang dijana oleh KWSP, ianya digabungkan di bawah mandat global di bawah portfolio pelaburan luar negara KWSP dengan kadar pulangan pelaburan sebanyak 9.73% bagi tahun 2016.

Bagi Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP), pelaburan dalam pasaran Ekuiti di Amerika Syarikat bermula pada Julai 2017 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM286 juta dan belum ada pulangan dicatatkan kerana ia adalah portfolio baru. Bagi kelas aset Ekuiti Persendirian, pelaburan telah bermula pada tahun 2012 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM244 juta manakala di bawah mandat Sukuk Global pula, pelaburan KWAP telah dimulakan sejak tahun 2014 melalui pengurus dana luaran dengan jumlah pelaburan sebanyak RM16 juta. Kadar pulangan pelaburan bagi kedua-dua kelas aset Ekuiti Persendirian dan Sukuk Global dicatatkan sebanyak 6.72% pada tahun 2016 .

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera tidak mempunyai pelaburan dalam pasaran saham mahupun bon di Amerika Syarikat.